



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



# AKTA PERLINDUNGAN SAKSI 2009 (AKTA 696) & PROGRAM PERLINDUNGAN SAKSI

DISEDIAKAN OLEH: BAHAGIAN PERLINDUNGAN  
JABATAN PERDANA MENTERI



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI





# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## KEDUDUKAN PRA-AKTA 696

- Sebelum Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696), perlindungan secara **'ad-hoc'** telah diberikan kepada saksi semasa proses siasatan dan perbicaraan oleh agensi penguatkuasaan masing-masing.
- Namun begitu, sumber kewangan untuk menjalankan program perlindungan adalah bersandarkan kepada bajet kewangan yang sedia ada kepada agensi berkenaan dan tiada peruntukan khusus untuk program perlindungan saksi.
- Tiada jaminan keselamatan selepas saksi memberi keterangan.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## Seksyen 3

➤ Akta Perlindungan Saksi 2009 digubal bagi mewujudkan Program Perlindungan Saksi yang disenggarakan oleh Ketua Pengarah bagi menangani gejala ugutan dan ancaman kepada saksi penting dalam sesuatu kes jenayah berat terutamanya kes jenayah terancang/bersindiket dan melibatkan kepentingan awam.

# CARTA ORGANISASI

## BAHAGIAN PERLINDUNGAN, JABATAN PERDANA MENTERI





# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## FUNGSI & TUGAS

### KETUA PENGARAH

#### ❖ Seksyen 2

Ketua Pengarah merupakan Ketua Pengarah Perlindungan Saksi.

#### ❖ Seksyen 4 (1)

Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah boleh dilantik daripada kalangan anggota Perkhidmatan Awam dan kuasa melantik diberikan kepada Menteri (Menteri di JPM).



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## FUNGSI BAHAGIAN PERLINDUNGAN

- Menguruskan permohonan saksi untuk dimasukkan dalam Program Perlindungan Saksi;
- Membuat siasatan latar belakang saksi/latarbelakang kes;
- Mempertimbangkan permohonan untuk saksi disyorkan masuk sebagai peserta Program Perlindungan Saksi;
- Mengesyorkan kepada Peguam Negara supaya seorang saksi itu dimasukkan atau tidak sebagai peserta dalam Program Perlindungan Saksi;



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## FUNGSI BAHAGIAN PERLINDUNGAN

- Menguruskan daftar peserta program perlindungan saksi dan hal ehwal berkaitan dengannya.
- Menyedia/menguruskan bantuan dan perlindungan keselamatan dan kebajikan Peserta Program Perlindungan Saksi.
- Memastikan keselamatan semua dokumen dan maklumat berkaitan Program dan Bahagian Perlindungan Saksi terjamin.
- Mengemukakan laporan tahunan berhubung dengan Program Perlindungan kepada Menteri sebelum **31hb Mac setiap tahun** 【 Seksyen 29 (1) 】 .



**WITNESS  
PROTECTION  
PROGRAM**





# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## PROGRAM PERLINDUNGAN SAKSI

- Program yang diwujudkan di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696).
- Menjanjikan perlindungan keselamatan dan bantuan kepada saksi yang menghadapi ancaman keselamatan terhadap diri, keluarga dan sesiapa yang mempunyai kaitan dengannya ekoran dari tindakannya memberi maklumat kepada mana-mana pihak berkuasa penyiasatan dan/atau memberi keterangan di mahkamah mengenai sebarang kegiatan atau perbuatan jenayah/kesalahan yang diketahuinya atau telah disaksikannya.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## TUJUAN PROGRAM DILAKSANAKAN

- Bagi menggalak dan memberi keyakinan kepada masyarakat umum untuk tampil ke hadapan membantu pihak berkuasa membanteras dan menangani masalah jenayah/pelanggaran undang-undang tanpa perlu berasa takut dan risau tentang soal keselamatan.
- Jika sebelum ini, tiada sebarang jaminan dan peruntukkan undang-undang menyebabkan saksi takut dan percaya bahawa keselamatan mereka akan terancam sekiranya memberi keterangan semasa perbicaraan mahupun di peringkat siasatan.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## SIAPA YANG BOLEH DITERIMA MASUK KE DALAM PROGRAM INI?

- Saksi yang keterangan/ testimoninya dianggap “credible”,
- Saksi juga bersedia pada bila-bila masa untuk memberi keterangan apabila dikehendaki.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## SIAPAKAH SAKSI DI BAWAH AKTA 696?

### Seksyen 2

Seorang saksi yang boleh dimasukkan ke dalam Program ini ialah:-

- a) Seseorang yang telah memberikan atau yang telah bersetuju untuk memberikan keterangan bagi pihak Kerajaan dalam SUATU PROSIDING JENAYAH;
- b) Seseorang yang telah memberikan atau yang telah bersetuju untuk memberikan keterangan, selain yang disebut dalam perenggan (a), berhubung dengan perlakuan atau kemungkinan pelakuan sesuatu kesalahan;



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



- c) seseorang yang telah memberikan apa-apa maklumat, pernyataan atau bantuan kepada seseorang pegawai awam atau pegawai pihak berkuasa awam berhubung dengan sesuatu kesalahan;
- d) seseorang yang, bagi apa-apa sebab lain, mungkin menghendaki perlindungan atau bantuan di bawah Program; atau
- e) seseorang yang, kerana hubungan atau perkaitannya dengan mana-mana orang yang disebut dalam perenggan (a) hingga (d), mungkin menghendaki perlindungan atau bantuan di bawah Program.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## SIAPA LAYAK MEMOHON?

### Seksyen 7

- Mana-mana saksi boleh memohon untuk dimasukkan ke dalam Program.
- Mana-mana agensi penguatkuasaan, dengan keizinan/persetujuan bertulis saksi, boleh memohon supaya saksi dimasukkan ke dalam Program.
- Jika saksi di bawah umur lapan belas tahun, ibu atau bapa atau penjaga saksi boleh memohon bagi pihaknya untuk dimasukkan ke dalam Program.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## OBLIGASI APABILA MEMBUAT PERMOHONAN

- **Seksyen 8 (1)** di mana saksi/agensi yang memohon berkewajipan untuk mendedahkan semua maklumat yang perlu kepada Ketua Pengarah. Antaranya; mendedahkan semua obligasi di sisi undang-undang yang melibatkan saksi itu yang belum selesai/latarbelakang saksi dan kes/harta/perniagaan dan lain-lain.
- **Seksyen 8 (3)** sekiranya terdapat pemalsuan maklumat oleh saksi atau mana-mana pihak dengan tujuan agar saksi diterima masuk oleh Ketua Pengarah ke dalam program perlindungan maka ia boleh disabitkan dengan denda tidak melebihi RM 10,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali [ **Seksyen 8 (4)** ].





# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## PROSEDUR PEMROSESAN PERMOHONAN

- Jika wujud ancaman yang nyata, maka perlindungan sementara (**interim**) dan bantuan lain yang bersesuaian akan diberikan sekiranya perlu oleh Ketua Pengarah [**Seksyen 7(4)**].
- Dalam pada itu, Pejabat Pendaftar (Unit Siasatan) akan menjalankan arahan Ketua Pengarah untuk menyiasat permohonan saksi/agensi seperti yang dikehendaki oleh **Seksyen 8**.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## KRITERIA PERTIMBANGAN

### Seksyen 9

- Sama ada saksi itu mempunyai rekod jenayah, terutamanya jenayah berat/keganasan dan sama ada mendatangkan apa-apa risiko kepada orang awam jika saksi itu dimasukkan ke dalam Program;
- Keputusan pemeriksaan perubatan, psikologi dan psikiatrik yang dijalankan di bawah **Seksyen 8(2)**;
- Keseriusan kesalahan yang dimaksudkan oleh keterangan atau pernyataan saksi itu;



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



- Jenis dan kepentingan keterangan atau pernyataan saksi;
- Sama ada terdapat kaedah alternatif untuk melindungi saksi itu;
- Jenis bahaya yang diandaikan kepada saksi itu;
- Jenis hubungan saksi itu dengan saksi lain yang dipilih untuk dimasukkan ke dalam Program; dan
- Apa-apa perkara lain yang didapati berkaitan oleh Ketua Pengarah.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## PROSES SIASATAN

- atau sebaliknya. Dalam urusan siasatan, Unit Siasatan akan membuat siasatan berdasarkan permohonan saksi/agensi berkenaan.
- Proses siasatan ini berdasarkan kepada **Seksyen 8** dan **9**.
- Risiko ancaman berdasarkan maklumat yang diperolehi akan dikategorikan sebagai:-
  - rendah
  - pertengahan
  - tinggi
- Syor akan disediakan oleh Pejabat Pendaftar kepada Ketua Pengarah untuk mendapat pertimbangan samada syor permohonan saksi ini perlu diserahkan kepada Peguam Negara untuk membuat keputusan.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## PROSES SIASATAN

- Dalam konteks permohonan saksi daripada agensi penguatkuasaan yang lain seperti PDRM, SPRM dan lain-lain, agensi berkenaan boleh membantu dengan memberi maklumat kepada BPJPM mengenai kes yang melibatkan saksi tersebut iaitu:-
  - fakta/latar belakang kes (secara ringkas)
  - kepentingan keterangan saksi (di Mahkamah)
  - jenis ancaman
  - cadangan yang sewajarnya kepada BPJPM jika saksi diterima masuk ke dalam Program
  
- Unit Siasatan BPJPM tidak terlibat langsung dalam urusan siasatan pihak agensi penguatkuasaan lain tetapi siasatan BPJPM tertumpu kepada latar belakang saksi, tahap ancaman saksi dan kelayakan berdasarkan Seksyen 8 dan 9 Akta 696.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## PROSEDUR KEMASUKAN KE DALAM PROGRAM PERLINDUNGAN

### Seksyen 10 (1)

- Setelah menimbangkan semua faktor, Ketua Pengarah akan mengesyorkan sama ada saksi boleh dimasukkan ke dalam Program Perlindungan Saksi ataupun tidak.
- Setiap syor oleh Ketua Pengarah hendaklah diserahkan kepada Peguam Negara.

### Seksyen 10 (3)

- Peguam Negara akan menerima syor itu dan memutuskan sama ada pemohon layak atau tidak untuk menyertai Program Perlindungan Saksi.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## Seksyen 10 (4)

- Sekiranya pemohon atau mana-mana pihak yang terkilan dengan keputusan Peguam Negara, dia boleh merayu secara bertulis kepada **Menteri** dalam tempoh **14 hari** daripada tarikh penerimaan keputusan;
  
- Jika terdapat sebarang rayuan;
  - a) Peguam Negara hendaklah mengemukakan alasan keputusannya berserta syor Ketua Pengarah kepada Menteri.
  - b) Jika pemohon telah diberikan perlindungan sementara (**interim**) oleh Ketua Pengarah, maka perlindungan ini hendaklah diteruskan sehingga keputusan rayuan diputus oleh Menteri.

## Seksyen 10 (6)

- Apabila menerima rayuan, Menteri hendaklah membuat keputusan terhadap rayuan itu.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## BANTUAN PERLINDUNGAN/SARAAN

### Seksyen 13

➤ Seseorang yang diterima masuk dalam Program Perlindungan Saksi (Peserta) akan diberikan **perlindungan keselamatan** dan **bantuan** berlandaskan prinsip '**perlu dan munasabah**'.

#### ➤ **Bantuan:-**

- ❖ Penyediaan tempat tinggal
- ❖ Penempatan semula
- ❖ Pekerjaan baru/pendidikan
- ❖ Saraan (bukan sebagai ganjaran – berdasarkan sumber pendapatan yang sah).
- ❖ Identiti baru (Dengan kebenaran bertulis peserta) – **Seksyen 13 (4)**





# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## PERLINDUNGAN KESELAMATAN

- Jenis Perlindungan keselamatan yang diberikan bergantung kepada penilaian tahap ancaman/risiko yang dirumuskan oleh pegawai penyiasat.
  
- Tahap ancaman/risiko:-
  - (i) Rendah
  - (ii) Pertengahan
  - (iii) Tinggi




# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## PERLINDUNGAN KESELAMATAN

- Jaminan;
- Kediaman selamat sementara;
- Kediaman sementara dan kawalan keselamatan;
- Iringan menghadiri perbicaraan di Mahkamah;
- Operasi keselamatan di Mahkamah;
- Penempatan semula yang kekal;
- Penempatan semula kekal dengan kawalan keselamatan 24 jam; dan
- Penukaran identiti.





# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## PENAMATAN PERLINDUNGAN DAN BANTUAN KEPADA PESERTA

### Seksyen 16 (1)

Penyertaan saksi di dalam Program Perlindungan Saksi boleh ditamatkan sekiranya:

- (a) Peserta itu telah memberikan maklumat yang diketahuinya adalah palsu atau mengelirukan.
- (b) Kelakuan peserta itu adalah, pada pendapat Ketua Pengarah, berkemungkinan menjejaskan integriti Program.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



(c) Keadaan (circumstances) yang menimbulkan keperluan bagi perlindungan dan bantuan bagi peserta itu tidak lagi wujud.

(d) Pada pendapat Ketua Pengarah, tiada justifikasi yang munasabah bagi peserta itu terus berada dalam Program.

## Seksyen 16 (2)

- Peguam negara hendaklah membuat keputusan mengenai penamatan perlindungan/bantuan setelah menerima syor Ketua Pengarah.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## Seksyen 16 (6)

- Penyertaan dalam Program Perlindungan Saksi juga boleh ditamatkan sendiri oleh Peserta dengan memohon secara bertulis kepada Ketua Pengarah BPJPM agar penyertaannya ditamatkan oleh Peguam Negara;

## Seksyen 16 (7)

- Ketua Pengarah akan menyediakan syor mengenai permohonan tersebut untuk dipanjangkan kepada Peguam Negara untuk keputusannya.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## Seksyen 16 (8)


- Sekiranya pemohon (peserta) terkilan dengan keputusan Peguam Negara, dia boleh **merayu secara bertulis kepada Menteri dalam tempoh 14 hari** daripada tarikh penerimaan keputusan.
  
- Jika terdapat sebarang rayuan;
  - a) Peguam Negara hendaklah mengemukakan alasan keputusannya berserta syor Ketua Pengarah kepada Menteri.
  - b) Seseorang peserta hendaklah terus berada dalam program sehingga keputusan rayuannya dibuat Menteri.
  
- Apabila menerima rayuan, Menteri hendaklah membuat keputusan terhadap rayuan itu.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## ALIRAN PROSES KEMASUKAN KE DALAM PROGRAM PERLINDUNGAN



PERMOHONAN



SIASATAN



MESYUARAT LEMBAGA

1. Ketua Pengarah
2. Timbalan Ketua Pengarah
3. Pendaftar
4. Pengarah Operasi
5. Pengarah Pengurusan




KEPUTUSAN OLEH PEGUAM NEGARA (AG)

- Diterima Masuk Program
- Ditolak



RAYUAN KEPADA MENTERI  
(dlm tempoh 14 hari selepas  
keputusan ditolak oleh AG)



KP (BP) boleh memberikan Perlindungan  
Interim sebelum dirujuk kepada AG



TANDATANGAN  
PERJANJIAN ANTARA  
SAKSI DAN BPJPM

PERLINDUNGAN DIBERIKAN

- Masuk Program Perlindungan Saksi (AG)
- Interim (KP BP)



## KEWAJIPAN UNTUK MEMBERIKAN BANTUAN/KESALAHAN-KESALAHAN

### Seksyen 6 (1)

- Mewajibkan sesiapa yang menerima permohonan dari Ketua Pengarah untuk mendapatkan apa-apa bentuk bantuan termasuk membekalkan dokumen, rekod dsb hendaklah memberikannya.

### Seksyen 6 (2)

- Kegagalan memberikan bantuan seperti dipohon mengikut seksyen 6 (1) adalah satu kesalahan yang jika disabitkan boleh didenda tidak lebih tiga ribu ringgit atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya.





# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## Seksyen 26(1)

➤ Tiada seorang pun boleh mendedahkan apa-apa maklumat:-



(a) tentang identiti atau tempat seseorang saksi, peserta atau bekas peserta: atau

(b) yang menjejaskan keselamatan saksi, peserta atau bekas peserta itu.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## Seksyen 26(2)

- Seseorang yang menjadi peserta atau pernah menjadi peserta, atau seseorang saksi yang telah dipertimbangkan untuk disyorkan bagi kemasukan ke dalam Program, tidak boleh mendedahkan:-

*(a) hakikat bahawa dia ialah peserta atau pernah menjadi peserta atau telah dipertimbangkan untuk disyorkan bagi pemasukan ke dalam Program;*

*(b) maklumat mengenai cara Program dikendalikan; atau*

*(c) maklumat tentang mana-mana pegawai yang terlibat atau pernah terlibat dalam Program,*

- *melainkan jika orang itu telah dibenarkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah untuk membuat pendedahan sedemikian*



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## Seksyen 26 (3)

- Mana-mana orang yang melanggar:-
- a) Seksyen 26 (1) (a) atau (b), jika disabitkan boleh dihukum penjara tidak lebih dua puluh (20) tahun.
  - b) Seksyen 26 (2) (a), (b) atau (c) jika disabitkan boleh dihukum penjara tidak lebih sepuluh (10) tahun.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## OBLIGASI KERAHSIAAN

### Seksyen 17

- Sesiapa yang mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Program, tidak boleh memberikan atau mendedahkan maklumat atau dokumen kepada mana-mana orang.

### Seksyen 17(2)

- Memeruntukkan mana-mana orang yang mendedahkan maklumat atau dokumen kepada mana-mana orang, jika disabitkan boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi tempoh dua puluh (20) tahun.
- Peruntukan seksyen ini juga terpakai kepada peserta dan bekas peserta Program Perlindungan Saksi.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## PENGECUALIAN SEMAKAN KEHAKIMAN

### Seksyen 23

- Tiada semakan kehakiman boleh dibuat dalam mana-mana Mahkamah mengenai apa-apa perbuatan yang dilakukan atau apa-apa keputusan yang dibuat oleh Menteri, Peguam Negara atau Ketua Pengarah di bawah Akta ini.



# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## PERANAN AGENSI PENGUATKUASAAN

- Memberikan kesedaran kepada saksi dan pemberi maklumat.
- Sekiranya ingin memohon bagi pihak saksi, hendaklah memperolehi persetujuan saksi / pemberi maklumat.
- Dalam proses siasatan oleh BPJPM;
  - membantu menyalurkan maklumat berkenaan kes, kepentingan keterangan, jenis ancaman dan memberikan cadangan samada wajar saksi / pemberi maklumat diterima masuk sebagai peserta Program Perlindungan saksi.




# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## MAKLUMAT LANJUT DAN PERMOHONAN

- Permohonan boleh dibuat dengan mendapatkan borang permohonan di **Laman sesawang Bahagian Perlindungan, Jabatan Perdana Menteri:- [www.ups.gov.my](http://www.ups.gov.my)** atau menghubungi **No. Tel: 03-8947 7800.**
- Prosedur berkaitan dengan permohonan ini, tindakan yang diambil selepasnya, maklumat serta dokumen yang diserahkan dalam menyokong permohonan ini adalah **'RAHSIA'**.







# BAHAGIAN PERLINDUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI



## SEKIAN TERIMA KASIH

